P MAHANDRAN PERUMAL A

lwn.

P PUVANASVARAN A PERUMAL & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA B
ABDUL KARIM JALIL PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22NCvC-22-02-2012]
16 JANUARI 2012

PROSEDUR SIVIL: *Pembatalan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(1) - Gagal menyatakan perkataan "atau" antara cabang-cabang (a), (b), (c) dan (d) Aturan - Sama ada permohonan boleh dibuat secara kumulatif - Sama ada keterangan afidavit boleh digunakan di bawah A. 18 k. 19(1)(a)* C

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Penghakiman persetujuan - Res judicata - Pihak-pihak mencapai kompromi dan memasuki penghakiman persetujuan - Plaintif memfailkan semula tindakan yang serupa - Efek penghakiman persetujuan - Sama ada tindakan kedua res judicata - Sama ada tindakan kedua satu penyalahgunaan proses mahkamah - Sama ada tindakan kedua patut dibatalkan* D E

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Penghakiman persetujuan - Pengenepian - Sama ada wujud fraud atau ketaksahan - Sama ada penghakiman sah sehingga diketepikan* F

PROSEDUR SIVIL: *Res judicata - Ketakadilan dan penyalahgunaan proses mahkamah - Pihak-pihak mencapai kompromi dan memasuki penghakiman persetujuan - Plaintif memfailkan semula tindakan yang serupa - Efek penghakiman persetujuan - Sama ada tindakan kedua res judicata - Sama ada tindakan kedua satu penyalahgunaan proses mahkamah - Sama ada tindakan kedua patut dibatalkan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(1)* G

A Perumal ('si mati') telah meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat. Plaintif dan defendan-defendan adalah anak-anak si mati. Si mati telah meninggalkan beberapa harta termasuk sebuah rumah ('rumah tersebut'). Pertelingkahan telah berlaku berhubung dengan pembahagian harta pusaka si mati di kalangan anak-anaknya. Susulan daripada itu, plaintif di sini telah memulakan satu tindakan guaman sivil di Mahkamah Tinggi ('guaman pertama') memohon, antara lain, pengisytiharan bahawa plaintif adalah pemilik benefisial H I

A rumah tersebut. Plaintif juga telah meminta kebenaran bagi memohon surat kuasa mentadbir kepada harta pusaka si mati. Walau bagaimanapun, sebelum perbicaraan dimulakan dalam guaman pertama itu, satu persetujuan telah dicapai dan penghakiman persetujuan telah direkodkan dalam terma-terma
B berikut: (i) bahawa plaintif, defendan kedua dan defendan pertama akan menjadi pentadbir harta pusaka si mati; dan (ii) bahawa kesemua harta si mati tak alih dijual kepada pembida-pembida tertinggi antara waris-waris si mati. Lanjutan daripada itu, surat kuasa mentadbir kepada harta pusaka si mati telah diperolehi dan
C langkah-langkah telah diambil untuk menjual dan memindah milik harta si mati. Walau bagaimanapun, pada ketika itu plaintif telah menyatakan bahawa beliau hanya akan menandatangani borang pindah milik bagi sebidang tanah jika defendan bersetuju untuk memindah rumah tersebut kepada plaintif. Pada ketika itu, cagaran
D ke atas rumah tersebut telah pun ditarik balik kerana hutang berkaitan telah dilangsaikan oleh defendan ketiga. Defendan-defendan tidak bersetuju dengan permintaan plaintif. Plaintif kemudiannya telah memfailkan guaman kedua ini memohon untuk mengenepikan penghakiman persetujuan berkenaan serta memohon
E beberapa perintah lain yang berkaitan dengan rumah tersebut. Defendan-defendan telah memohon untuk membatalkan guaman kedua ini. Peguam plaintif telah mencabar permohonan tersebut sebagai tidak teratur kerana dihujahkan sebagai bertentangan dengan kehendak A. 18 k. 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah
F Tinggi 1980 ('KMT80'). Pertama, dikatakan bahawa defendan gagal menyatakan perkataan "atau" antara cabang-cabang (a), (b), (c) dan (d) Aturan berkenaan dan ini menyebabkan seolah-olah permohonan itu dibuat secara kumulatif. Keduanya, berkenaan cabang (a), dihujahkan bahawa defendan tidak dibenarkan
G menggunakan keterangan afidavit yang dikemukakan.

Diputuskan (membenarkan permohonan defendan-defendan dengan kos):

H **(1)** Defendan boleh bergantung kepada semua atau mana-mana cabang A. 18 k. 19(1) KMT80. Bagaimanapun bagi cabang (a), tiada keterangan luaran boleh digunakan. Maka, mahkamah telah membenarkan permohonan pindaan untuk membatalkan cabang (a). Perkataan "dan/atau" telah digunakan dalam
I permohonan ini. Maka, isu awalan yang ditimbulkan adalah jauh meleset dan sengaja ditimbulkan. (perenggan 13)

(2) Tindakan guaman kedua plaintif bukan sahaja remeh atau menyusahkan tetapi juga terjumlah kepada penyalahgunaan proses mahkamah dan memberi kewajaran bagi defendan untuk mengenepikannya di bawah peruntukan A. 18 k. 19(1)(b), (c) dan/atau (d) KMT80 dan/atau menurut kuasa sedia ada mahkamah untuk mencegah ketakadilan. Prinsip *res judicata* terpakai sebagai alasan utama permohonan ini; *(Bandar Builder Sdn Bhd & 2 Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd;* dirujuk; *Chee Pok Choy & Ors v. Scotch Leasing Sdn Bhd*; dirujuk). (perenggan 18)

(3) Prinsip *res judicata* terpakai dengan tepat dalam kes ini kerana kedudukan tindakan guaman pertama telah dimuktamadkan daripada semua sudut melalui penghakiman persetujuan yang telah direkodkan. Relif yang dituntut dalam guaman kedua adalah serupa dengan relif yang dituntut dalam guaman pertama tetapi kini memberi fokus hanya kepada hal berkaitan dengan rumah tersebut sahaja. Ketakadilan dan penyalahan proses mahkamah amat terserlah di sini. (perenggan 20)

(4) Sesuatu penghakiman persetujuan boleh diketepikan jika penghakiman itu diperoleh secara fraud atau atas sebab yang menjadikannya tidak sah. Bagaimanapun, penghakiman tersebut masih merupakan satu penghakiman yang muktamad sehingga diketepikan. Daripada fakta yang dibentangkan, butiran-butiran pakatan fraud dan salah representasi yang dibangkitkan oleh plaintif tidak disokong malah disangkal oleh fakta dan perlakuan plaintif sebelum dan selepas penghakiman direkodkan. (perenggan 21 & 23)

(5) Setelah 2 1/2 tahun selepas penghakiman persetujuan, plaintif telah mengambil guaman kedua ini apabila menyedari strateginya tidak akan berjaya. Ini dengan jelas melambatkan lagi proses pembahagian dan secara langsung menjejas dan mengecewakan semua waris-waris. (perenggan 24)

Kes-kes yang dirujuk:

Bandar Builder Sdn Bhd & 2 Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 SC ***(diikuti)***

BHLB Trustee Berhad & Anor v. HSBC (Malaysia) Trustee Berhad & Ors [2006] 5 CLJ 381 HC ***(dirujuk)***

Chee Pok Choy & Ors v. Scotch Leasing Sdn Bhd [2001] 2 CLJ 321 CA ***(dirujuk)***

A *Dato' Tan Heng Chew v. Tan Kim Hor & Ors [2008] 7 CLJ 776 HC* ***(dirujuk)***
Goh Hock Hai v. Eon Bank Bhd [2012] 4 CLJ 956 HC ***(dirujuk)***
Hasmah Abdul Rahman v. Kenny Chua Kien Lam [2006] 2 CLJ 1029 CA ***(dirujuk)***
B *Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng (f) & Yap Wan Chuan & 9 Ors [1996] 2 CLJ 185 SC* ***(dirujuk)***
Lagenda Kencana Sdn Bhd v. Peter's Holdings Sdn Bhd & Anor [2012] 3 CLJ 824 CA ***(dibezakan)***
Loh Holdings Sdn Bhd v. Peglin Development Sdn Bhd & Anor [1984] 2 CLJ 88; [1984] 1 CLJ (Rep) 211 FC ***(dirujuk)***
C *Razshah Enterprise Sdn Bhd v. Arab Malaysian Finance Bhd [2010] 2 CLJ 457 CA* ***(dirujuk)***
Re CHS [2001] 8 CLJ 653 HC ***(dirujuk)***
Sambu (M) Sdn Bhd v. Stone World Sdn Bhd & Anor [1997] 1 CLJ 775 HC ***(dirujuk)***
D *Tengku Azmi Tengku Yusoff & Anor v. Tengku Ahmad Tengku Abdul Ghaffar & Ors [1982] CLJ 22; [1982] CLJ (Rep) 347 FC* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(a), (b), (c), (d), O. 20 r. 8

E **Sumber-sumber yang dirujuk:**
Malaysia Court Practice 2011 Desk Edition High Court Practice, ms 316-317

Bagi pihak plaintif - Avatar Singh Ram Singh; T/n Mohd Latip & Assoc
F *Bagi pihak defendan - Sivanesan Ramiah; T/n Sivanesan Ram & Assoc*

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

G **PENGHAKIMAN**

Abdul Karim Jalil PK:

[1] Dalam saman dalam kamar (kandungan (6)) ini defendan-defendan (defendan) memohon di bawah A. 18 k. 19(a), (b), (c)
H dan/atau (d), Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, dan/atau kuasa sedia ada mahkamah untuk membatalkan pengendorsan di writ saman dan penyataan tuntutan plaintif dalam Guaman Sivil No. 22NCvC-22-02/2012 ini (guaman kedua) serta kos dan relif lanjutan lain yang dianggap suai manfaat oleh mahkamah.

I

Latar Belakang Permohonan

[2] Sejarah kes ini adalah panjang dan berliku. Secara ringkasnya, A Perumal a/l M Apau, si mati, telah meninggal dunia pada 18 Jun 1999. Si mati meninggal dunia tanpa meninggalkan apa-apa wasiat (intestate). Si mati telah meninggalkan dunia ini dengan dua harta penting iaitu: pertama, anak yang ramai termasuk defendan (1) hingga (8), (defendan (8) ialah balu kepada anaknya yang bernama P Paramsivam) (juga merupakan waris-waris kepada pusakanya). Keduanya, si mati meninggalkan juga beberapa harta seperti yang berikut:

(a) Tanah yang dipegang di bawah Geran Hakmilik No. 4032, Lot No. 1407, Mukim Air Molek, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka, seluas lima ekar. Di atas tanah ini telah didirikan satu rumah beralamat No. 3288, Batu 8 1/2, Tambak Paya, Air Molek, 75460 Melaka;

(b) Tanah yang dipegang di bawah Geran Hakmilik No. 8124, Lot 640, Mukim Air Molek, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka, seluas 10 3/4 ekar;

(c) Tanah dan rumah teres No. 29, Jalan Meranthi 3, Taman Merdeka, Batu Berendam, 75350 Melaka yang dipegang di bawah H.S. (D) 7788, Lot 2380, Mukim Batu Berendam, Negeri Melaka;

(d) Satu unit saham dalam Syarikat Om Sakti Perumal & Sons Sdn Bhd bernilai RM1;

(e) Satu unit bas sekolah Hino MAE 707 bernilai RM131,000;

(f) Satu unit bas kilang Hino JDA 1586 bernilai RM70,000, dan

(g) Satu unit bas kilang Tata MK 7598 bernilai RM25,000.

[3] Pertelingkahan telah berlaku berhubung dengan pembahagian harta pusaka si mati di kalangan anak-anaknya. Susulan daripada itu, P Mahandran a/l A Perumal, plaintif di sini, telah memulakan satu tindakan guaman sivil di Mahkamah Tinggi Melaka dalam Guaman Sivil No. 2-22-186/2001 bertarikh 31 Disember 2001 (seperti dipinda pada 28 Februari 2003) (guaman pertama) memohon beberapa perintah yang komprehensif termasuk antara lain pengisytiharan bahawa dia (plaintif juga dalam guaman pertama

A ini) ialah pemilik benefisial rumah No. 3288, Batu 8 1/2, Tambak Paya Air Molek tersebut; dia dibenarkan dan diberi kuasa untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi Melaka untuk mendapat surat kuasa mentadbir kepada harta pusaka si mati; segala tindakan sama ada olehnya sendiri atau sebagai pentadbir harta atau pentadbir
B harta lain yang dilantik untuk memecah sempadan agar rumah dan sebahagian tanah di dalam Geran Hakmilik No. 4032 diberikan kepadanya; apa-apa tindakan lain yang harus dilakukan oleh pentadbir harta si mati yang digariskan dalam penyata tuntutan plaintif dalam guaman pertama (sila rujuk guaman pertama untuk
C butiran terperinci plaintif).

[4] Guaman pertama plaintif telah ditentang oleh defendan. Dalam penyataan pembelaan terpinda mereka, defendan telah, selain yang diakui, menafikan sekeras-kerasnya tuntutan dan
D kenyataan plaintif terutamanya yang berkaitan dengan pendirian plaintif yang menegaskan dia berhak secara mutlak ke atas rumah No. 3288, Batu 8 1/2, Tambak Paya Air Molek dan sebahagian tanah yang dituntut.

E **Perbicaraan Guaman Pertama**

[5] Pertelingkahan berkemuncak dengan perbicaraan guaman pertama. Perbicaraan telah bermula pada 26 Julai 2006 di hadapan YA Dato' Abu Samah Nordin HMT (sepertimana YA ketika itu). Plaintif diwakili oleh peguam Encik Morgan Karupiah manakala
F Encik Avatar Singh (En. Avatar) bagi pihak semua defendan. Kes telah ditangguhkan kepada 12, 13, dan 15 Mac 2007 untuk menyambung pemeriksaan semula plaintif. Bagaimanapun perbicaraan kes telah ditetapkan semula untuk disambung bicara di hadapan YA Hakim Datuk Halijah Abbas HMT pada 3 Jun 2009
G memandangkan YA Dato' Abu Samah telah dinaikkan pangkat sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Semua pihak termasuk plaintif dan peguamnya (Encik Venkatachalam Arunachalam (Encik Arun)) telah hadir dalam prosiding tersebut.

H **[6]** Namun satu perkembangan baru telah berlaku pada 3 Jun 2009 itu. Sebelum perbicaraan dimulakan, En Arun telah mencadangkan satu penyelesaian kepada semua pihak. En Arun kemudiannya telah berbincang dengan plaintif (yang berada di mahkamah) manakala En. Avatar dengan semua defendan. Semua
I pihak telah bersetuju dengan cadangan penyelesaian tersebut.

Perkara ini kemudiannya telah dimaklumkan kepada pihak mahkamah. Dengan kedudukan tersebut, YA hakim telah memanggil semua pihak ke dalam kamarnya dan semua terma persetujuan kemudiannya telah direkodkan dalam kehadiran semua pihak termasuk plaintif. Antara terma yang dipersetujui ialah:

(1) P Mahandran a/l A Perumal (plaintif), Visvanathan a/l Perumal (defendan kedua) dan P Puvanasvaran a/l A Perumal (defendan pertama) menjadi pentadbir harta pusaka A Perumal a/l M Apau, si mati;

(2) Surat kuasa mentadbir untuk harta pusaka si mati diberikan kepada P Mahandran a/l A Perumal, Visvanathan a/l Perumal dan P Puvanasvaran a/l A Perumal sebagai pentadbir;

(3) Kesemua harta si mati tak alih (seperti disenaraikan di dalam Jadual Pertama yang dilampirkan sebagai lampiran A) dan satu syer si mati dalam Syarikat Om Sakti Perumal & Sons Sdn Bhd direalisasikan menurut penjualan kepada pembida-pembida (bidders) tertinggi antara waris-waris si mati berdasarkan tidak kurang daripada harga pasaran bebas;

...

(8) Kos tindakan ini dibayar oleh plaintif kepada defendan-defendan.

(Rujuk terma lanjut dalam eks. 'P4' dalam afidavit sokongan defendan pertama dan kedua dalam kandungan 6A).

Peristiwa Selepas Penghakiman Persetujuan

[7] Susulan daripada penghakiman persetujuan yang direkodkan dan dimeterai, harta pusaka si mati telah diurus dan dijalankan oleh para pentadbir yang dilantik. Antaranya:

(a) Pemula tindakan, plaintif telah membayar kos RM10,000 kepada defendan *via* resit bertarikh 14 Ogos 2009.

(b) Pada 22 Februari 2010 plaintif, defendan pertama dan kedua selaku pentadbir telah menandatangani petisyen dan sumpah pentadbiran untuk memohon surat kuasa mentadbir di bawah perenggan 2, penghakiman persetujuan.

(c) Pada 6 Ogos 2010 Geran Surat Kuasa Mentadbir No. 31-10-2010 telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Melaka atas nama plaintif, defendan pertama dan kedua. Sesalinan diberikan juga kepada peguamcara plaintif.

(d) Beberapa mesyuarat telah diadakan bersama-sama dengan para pentadbir dan peguam semua pihak untuk menyelesaikan penjualan dan pembahagian harta pusaka si mati. Namun, plaintif hanya hadir dalam mesyuarat pada 20 Februari 2010 dan 13 Ogos 2011.

(e) Pada 22 September 2011 plaintif dan para pentadbir yang lain telah menandatangani permohonan untuk pindahan tentang harta yang dikenali sebagai Hakmilik Geran No. 8124, Lot No. 640, Mukim Ayer Molek, Melaka (harta pertama).

(f) Pada 7 Oktober 2011, plaintif dan para pentadbir yang lain telah juga menandatangani permohonan untuk pindahan (transmission) tentang harta si mati yang dikenali sebagai Hakmilik PN No. 4352 Lot No. 2380 Mukim Batu Berendam, Melaka (harta kedua).

(g) Pada masa yang sama tanah di Hakmilik Geran 4032, Lot 1407, Mukim Ayer Molek, Melaka (harta ketiga) masih dicagarkan kepada CIMB Bank Bhd oleh defendan ketiga dan tidak dapat diserahkan untuk pindahan.

(h) Peguamcara defendan selanjutnya telah mengeluarkan beberapa surat bertarikh 1 Februari 2010, 26 April 2010, 26 Mei 2010, 22 November 2010 berserta minit-minit mesyuarat berkaitan, dan 6 Januari 2012 kepada plaintif supaya hadir pada 28 Januari 2012 untuk lelongan mengikut penghakiman persetujuan. Harta pertama telah berjaya dilelongkan. Namun, plaintif tidak menghadirkan diri.

(i) Bagaimanapun dalam proses persetujuan untuk menandatangani Borang 14A bagi harta pertama di atas, plaintif melalui peguamcaranya dalam surat bertarikh 1 Mac 2012 telah memaklumkan keengganannya berbuat sedemikian kecuali defendan bersetuju untuk memindah milik harta ketiga (Hakmilik Geran 4032, Lot 1407, Mukim Ayer Molek) kepada plaintif. Pada ketika ini, cagaran ke atas harta ketiga telah pun ditarik balik kerana hutang berkaitan telah dilangsaikan oleh defendan ketiga. Bagaimanapun defendan tidak bersetuju dengan permintaan plaintif.

(j) Tanpa pengetahuan defendan, plaintif telah pada 25 Januari 2012 memasukkan satu kaveat persendirian ke atas harta ketiga tersebut. Walaupun telah diminta melalui surat bertarikh 19 Mac 2012 untuk menarik balik kaveat tersebut, plaintif enggan berbuat sedemikian.

Tindakan Guaman Kedua

[8] Pertelingkahan berlanjutan. Pada 21 Februari 2012, plaintif telah memfailkan guaman kedua ini ke atas defendan yang sama. Plaintif dalam writ saman berserta penyata tuntutan guaman kedua bertarikh 16 Februari 2012 telah memohon untuk mengenepikan penghakiman persetujuan berkenaan serta memohon beberapa perintah lain yang berkaitan dengan harta ketiga tersebut. Perenggan 6 penyataan tuntutan plaintif menjelaskan:

> 6. Plaintif menegaskan dan akan terus menegaskan bahawa plaintif telah memfailkan Guaman Sivil No: 2-22-186-2001 terhadap Defendan-defendan di sini dan kesemua individu-individu tersebut terutamanya untuk mendapatkan semula pemilikan terhadap Hartanah tersebut. Plaintif akan bergantung kepada penyataan-penyataan fakta yang telah diplidkan oleh peguamcara Plaintif terbabit dalam Guaman Sivil tersebut dalam menyatakan alasan-alasan plaintif menuntut bagi Hartanah tersebut.

[9] Kesemua defendan memfailkan kandungan 6 untuk membatalkan guaman kedua ini.

[10] Di samping itu juga pentadbir bersama harta pusaka si mati yang lain, ie, defendan pertama dan kedua dalam tindakan di sini, telah memfailkan satu Saman Pemula No. 24 NCvC-177-04/2012 untuk mengenepikan kaveat persendirian yang telah dimasukkan oleh plaintif pada 25 Januari 2012 itu.

Isu Awalan

[11] Peguam plaintif yang terpelajar telah mencabar tindakan dalam kandungan (6) defendan sebagai tidak teratur kerana dihujahkan sebagai bertentangan dengan kehendak sebenar A. 18 k. 19(1) KMT 1980. Pertama, dikatakan defendan harus spesifik dalam permohonan ini dan kegagalan untuk menyatakan perkataan "atau" antara cabang-cabang (a), (b), (c) dan (d) Aturan berkenaan telah menyebabkan seolah-olah permohonan telah dibuat secara kumulatif. Ini telah memprejudiskan plaintif kerana

A tidak mengetahui apakah alasan spesifik yang dipilih dalam permohonan ini. Plaintif telah merujuk kepada kes-kes *Sambu (M) Sdn Bhd v. Stone World Sdn Bhd & Anor* [1997] 1 CLJ 775 dan *Razshah Enterprise Sdn Bhd v. Arab Malaysian Finance Bhd* [2010] 2 CLJ 457 untuk menyokong hujahan di atas. Keduanya, defendan B dikatakan telah juga menggunakan cabang (a) dan bagi tujuan tersebut defendan tidak dibenarkan menggunakan keterangan afidavit yang dikemukakan.

[12] Peguam defendan yang terpelajar telah menyangkal cabaran C di atas dan mengatakan bahawa permohonan adalah teratur kerana mereka dibenarkan untuk bergantung kepada semua atau mana-mana alasan atau cabang yang diperuntukkan. Diperhujahkan lagi bahawa mereka telah berbuat sedemikian dengan menggunakan perkataan "dan" dan "atau" dan bukan semata-mata "atau" seperti D didakwa oleh plaintif dalam permohonan untuk menunjukkan niat berkenaan. Peguam yang terpelajar telah bergantung antara lain kepada nas *Malaysia Court Practice* 2011 Desk Edition High Court Practice (di ms. 316-317), *Hasmah Abdul Rahman v. Kenny Chua Kien Lam* [2006] 2 CLJ 1029; [2006] 5 MLJ 236 (MR), dan E *BHLB Trustee Berhad & Anor v. HSBC (Malaysia) Trustee Berhad & Ors* [2006] 5 CLJ 381; [2006] 4 MLJ 48 untuk menyokong hujahan di atas. Berkenaan dengan cabaran kedua plaintif pula, defendan sanggup menggugurkan permohonan beralaskan cabang (a) untuk menjernihkan apa-apa keraguan dan ekoran daripada itu F telah membuat permohonan secara lisan untuk membatalkan alasan (a) itu dalam kandungan (6). Peguam yang terpelajar telah bergantung kepada A. 20 k. 8 KMT 1980 dan nas kes *Dato' Tan Heng Chew v. Tan Kim Hor & Ors* [2008] 7 CLJ 776; [2008] 7 MLJ 184, dan *Re CHS* [2001] 8 CLJ 653; [1997] 3 MLJ 152 G untuk menyokong hujahan dan permohonannya.

[13] Saya bersetuju dengan penghujahan peguam defendan yang terpelajar berkenaan isu awalan ini. Daripada nas autoriti yang telah disandari, defendan dibolehkan untuk bergantung kepada semua atau mana-mana cabang yang diperuntukkan. Bagaimanapun H bagi cabang (a) undang-undang telah mantap bahawa tiada keterangan luaran boleh digunakan. Dalam isu ini saya membenarkan permohonan pindaan untuk membatalkan cabang (a). Walaupun tanpa permohonan pindaan tersebut, peguam defendan telah secara berkesan menyatakan niat untuk tidak bergantung I kepada cabang (a) itu untuk menjernihkan apa-apa keraguan, jika

ada. Apa yang jelas ialah peguam plaintif yang terpelajar telah terlepas pandang bahawa perkataan "dan/atau" telah digunakan dalam permohonan ini. Dalam keadaan yang dinyatakan, isu awalan yang ditimbulkan adalah jauh meleset dan sengaja ditimbulkan. Dengan itu saya menolak hujahan peguam plaintif yang terpelajar sebagai tidak ketepatan dan tidak bermerit.

Permohonan Pembatalan

[14] Dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & 2 Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7; [1993] 3 MLJ 36, Mahkamah Agung telah menyatakan *inter alia*:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O. 18 r. 19(1) of the Rules of the High Court 1980 are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule and the summary procedure can only be adopted when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it "obviously unsustainable".

[15] Peguam defendan yang terpelajar berhujah bahawa permohonan di sini amat ketepatan sekali kerana tindakan guaman kedua plaintif ini dengan terang dan jelas tidak boleh dipertahankan. Diperhujahkan bahawa prinsip *res judicata* dengan jelas terpakai di sini kerana hal perkara dan isu yang ditimbulkan dalam guaman kedua ini telah dimuktamadkan dan diselesaikan dalam guaman pertama plaintif di mana penghakiman secara persetujuan telah direkodkan. Dari itu tindakan guaman kedua plaintif bukan sahaja sesuatu yang remeh atau menyusahkan malahan terjumlah kepada penyalahan proses mahkamah kerana berniat untuk melambat dan mengecewakan hak dan kepentingan defendan yang sudah sekian lama tertangguh. Peguam defendan telah merujuk dan bergantung kepada kes-kes berikut untuk menyokong hujahannya: *Chee Pok Choy & Ors v. Scotch Leasing Sdn Bhd* (penerima dan pengurus yang dilantik) [2001] 2 CLJ 321; [2001] 3 AMR 2609; dan, *Goh Hock Hai v. EON Bank Bhd* [2012] 4 CLJ 956; [2012] 3 MLRH 369.

[16] Peguam plaintif yang terpelajar dalam jawapannya telah menegaskan bahawa terdapat isu dan persoalan fakta yang harus dibicarakan dalam tindakan guaman kedua ini. Peguam memberi penekanan bahawa penghakiman persetujuan yang direkodkan dalam tindakan guaman pertama bukan merupakan suatu

penghakiman yang muktamad dan prinsip *res judicata* dengan itu tidak terpakai. Lantaran daripada itu, penghakiman persetujuan tersebut boleh diketepikan dengan suatu tindakan baru yakni tindakan guaman kedua ini. Peguam selanjutnya memperkatakan bahawa tindakan kedua ini berlainan daripada tindakan guaman pertama dan mendakwa penghakiman persetujuan itu adalah tidak sah kerana peguam yang terlibat telah tidak mengikut arahan sebenar plaintif dan telah bertindak secara fraud dan memberi representasi yang salah kepada plaintif. Akhir sekali peguam menegaskan bahawa jika penghakiman persetujuan itu tidak diketepikan ia akan menyebabkan ketakadilan yang serius kepada hak dan kepentingan plaintif ke atas harta ketiga berkenaan. Peguam bersandarkan kepada nas berikut untuk menyokong saranannya: *Tengku Azmi Tengku Yusoff & Anor v. Tengku Ahmad Tengku Abdul Ghaffar & Ors* [1982] CLJ 22; [1982] CLJ (Rep) 347; *Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng (f) & Yap Wan Chuan & 9 Ors* [1996] 2 CLJ 185; *Lagenda Kencana Sdn Bhd v. Peter's Holdings Sdn Bhd & Anor* [2012] 3 CLJ 824; *Loh Holdings Sdn Bhd v. Peglin Development Sdn Bhd & Anor* [1984] 2 CLJ 88; [1984] 1 CLJ (Rep) 211; *Bandar Builder Sdn Bhd & 2 Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7; [1993] 3 MLJ 36.

[17] Peguam defendan, dalam menjawab hujahan balas peguam plaintif, menyatakan hujahan tersebut tidak bermerit dan jauh terpesong. Mengenai hujah bahawa penghakiman persetujuan tidak terjumlah kepada satu penghakiman muktamad, peguam telah merujuk kepada keputusan dalam kes *Chee Pok Choy & Ors*, *supra*, yang dengan jelas menyangkal hujahan tersebut. Begitu juga dengan tohmahan fraud dan salah representasi yang telah tidak berjaya ditunjukkan bagi mengenepikan penghakiman persetujuan itu. Di samping kredibiliti plaintif yang ternyata boleh dipersoalkan, tindakannya untuk mengenepikan penghakiman persetujuan tersebut dengan pelbagai alasan yang dikemukakan merupakan penyalahan proses mahkamah yang nyata dan tidak seharusnya dipertimbangkan oleh mahkamah.

Pendapat Mahkamah

[18] Berdasarkan prinsip dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd*, *supra*, yang telah diguna pakai dalam banyak kes dan dalam pelbagai situasi termasuk kes *Goh Hock Hai*, *supra*, saya berpendapat tindakan guaman kedua plaintif bukan sahaja remeh atau menyusahkan tetapi juga terjumlah kepada penyalahan proses

mahkamah dan memberi kewajaran bagi defendan untuk mengenepikannya di bawah peruntukan A. 18 k. 19(1)(b), (c) dan/atau (d) KMT 1980, dan/atau menurut kuasa sedia ada mahkamah untuk mencegah ketakadilan. Dalam konteks ini saya bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan peguam defendan yang terpelajar terutamanya pergantungan sepenuhnya ke atas terpakainya prinsip *res judicata* sebagai alasan utama permohonan ini.

[19] Dalam kes *Chee Pok Choy & Ors*, *supra*, YA Gopal Sri Ram JCA (sebagaimana YA ketika itu) telah menyatakan di ms. 331 (CLJ); 2625 (AMR):

> Now *res judicata* is not merely a technical rule of pleading. It is a doctrine of substantial justice. It is a process whereby justice is achieved procedurally by precluding a party from re-agitating in subsequent proceedings a complaint or an issue that has, or could fairly have, been disposed in earlier proceedings between the same parties or their privies. It is merely equity in action in the procedural arena. It is sometimes referred to as the rule in *Henderson v. Henderson* [1843] 67 ER 313. (YA selanjutnya merujuk kepada petikan Wigram V-C).
>
> The doctrine may thus be seen to encompass several categories. In its narrowest sense, *res judicata*, I think, refers to estoppels by record. It refers to actual decision the earlier action or proceeding. In its wider sense, it encompasses issues, and causes of action that could justly and fairly have been adjudicated in the earlier suit or proceeding. This wider operation of the doctrine is sometimes referred to "constructive *res judicata*". It houses the twin concepts of issue estoppels and cause of action estoppels. Like the tree of which they form the branches, they are designed to ensure that there is finality in litigation.

Selanjutnya di ms. 333 (CLJ); 2627 (AMR), diperkatakan:

> On the authorities discussed thus far, the principle comes to this. Whether *res judicata* in the wider sense should be permitted to bar a claim is a matter that is to be determined on the facts of each case, always having regard to where the justice of the individual and particular case lies.

[20] Prinsip *res judicata* ini terpakai dengan tepat dalam kes ini kerana kedudukan tindakan guaman pertama telah dimuktamadkan daripada semua sudut melalui penghakiman persetujuan yang telah direkodkan. Daripada sejarah kes yang telah dibentangkan di atas

serta fakta-fakta lain dalam afidavit defendan terutamanya fakta sebelum dan selepas penghakiman tersebut direkodkan jelas menunjukkan plaintif amat sedar akan terma dan batasan penghakiman persetujuan itu. Ini diperkukuhkan antara lainnya daripada hakikat berikut: Plaintif telah bersetuju dilantik sebagai salah seorang pentadbir; telah membayar kos sebanyak RM10,000 kepada defendan; plaintif dan peguamnya telah terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka si mati, secara langsung atau tidak langsung; plaintif telah hadir dalam dua mesyuarat tersebut; telah diserahkan dengan semua suratan dan minit mesyuarat; dan, telah menggunakan kapasiti itu dalam tindakan guaman kedua. Daripada tingkah laku atau perlakuan terkemudian ini boleh disiratkan bahawa plaintif amat sedar tentang skop dan batasan penghakiman persetujuan berkenaan dan boleh juga menyokong siratan tentang pengetahuan atau niatnya pada masa penghakiman itu dipersetujui dan direkodkan. Seperti diperhujahkan oleh peguam defendan, pendirian plaintif berubah apabila harta ketiga (Hakmilik Geran 4032, Lot 1407, Mukim Ayer Molek, Melaka) telah bebas daripada apa-apa bebanan, yang sebelum itu dicagarkan kepada sebuah bank. Di samping tidak lagi memberi kerjasama sepenuhnya kepada pentadbiran harta pusaka si mati, plaintif telah mengambil strategi baru untuk menuntut semula harta tersebut semula dengan memfailkan tindakan guaman kedua dan memasukkan juga kaveat persendirian ke atas harta ketiga berkenaan. Diperhatikan, secara terasnya, relif yang dituntut dalam guaman kedua adalah serupa dengan relif yang dituntut dalam guaman pertama tetapi kini memberi fokus hanya kepada hal berkaitan dengan harta ketiga tersebut sahaja. Walaupun perlantikan sebagai pentadbir harta pusaka si mati telah dibuat, disahkan oleh mahkamah dan digunakan, namun salah satu relif yang dipohon dalam guaman kedua melibatkan juga perlantikan sebagai pentadbir harta pusaka si mati, perkara yang sama! Ketakadilan dan penyalahan proses mahkamah amat terserlah di sini. Ini dimudaratkan lagi dengan plaintif sebelum ini telah menggunakan tuntutannya ke atas harta ketiga sebagai satu ugutan untuk tidak bersetuju untuk menyempurnakan Borang 14A berkenaan dengan perpindahan harta pertama yang sudah dijual secara sah. Saya berpendapat dalam keadaan dan suasana kes ini sememangnya wajar, tepat, sesuai dan adil bagi pemakaian prinsip *res judicata* di sini.

[21] Saya juga berpendapat penghakiman persetujuan tersebut tidak berjaya ditunjukkan sebagai suatu penghakiman yang diperolehi secara fraud, atau salah representasi. Diimbas kembali, peguam plaintif telah juga secara khusus mencabar kesahihan penghakiman persetujuan atas alasan penghakiman itu diperolehi secara fraud dan salah representasi oleh peguamnya yang terdahulu. Oleh itu penghakiman tersebut tidak boleh dianggap muktamad dan boleh dibuka semula untuk diketepikan melalui tindakan baru. Sebagai prinsip am tidak dipersoalkan bahawa sesuatu penghakiman persetujuan boleh diketepikan jika penghakiman itu diperoleh secara fraud atau atas sebab yang menjadikannya tidak sah (illegal or nullity). Tidak dinafikan juga sebagai satu prinsip am bahawa tindakan untuk mengenepikan sesuatu penghakiman persetujuan itu perlulah diambil melalui satu tindakan yang baru (lihat pengecualian dalam kes *Lagenda Kencana Sdn Bhd v. Peter's Holdings Sdn Bhd & Anor* [2012] 3 CLJ 824). Bagaimanapun penghakiman tersebut masih merupakan satu penghakiman yang muktamad sehingga diketepikan. Apakah yang harus ditunjukkan oleh plaintif bagi menyokong tohmahan itu? Isu ini telah diperbincangkan dengan terperinci dalam kes *Chee Pok Choy & Ors*, *supra*, dan diperjelaskan secara kesimpulan dalam kata-kata yang amat bernas oleh YA Gopal Sri Ram JCA (sepertimana YA ketika itu):

> The principle then to be culled from the authorities is that a judgment may be impeached for deliberate fraud practiced upon the court, and it is insufficient to show that a litigant merely convinced the court through misleading or erroneous evidence. Whether the test has been met in any given case must, I think, depend on the facts and circumstances of the particular case. But there is guidance in the cases as to how fraud may be established. There is a most useful passage in *Satish Chandra v. Satish Kantha Roy* AIR [1923] PC 73,76:
>
> > Charges of fraud and collusion like those contained in the plaint in this case must, no doubt, be proved by those who make them - prove by established facts or inferences legitimately drawn from those facts taken together as a whole. Suspicions and surmises and conjecture are not permissible substitutes for those facts or those inferences, but that by no means requires that every puzzling article or contrivance resorted to by one accused of fraud must necessarily be completely unraveled and cleared up and made plain before a verdict can be properly found against him. If this were not so, many a clever and dexterous knave would escape.

[22] Prinsip ini telah diguna pakai dalam kes *Goh Hock Hai*, *supra*. Berkenaan dengan "hak" pengenepian berdasarkan fraud dan penipuan, YA Varghese George Varughese H menyatakan di ms. 963 (CLJ); 374 (MLRH):

> (19) However, to carry that 'right' to its conclusion, there had to be some *prima facie* evidence to form the foundation of the allegation of 'deliberate fraud' or 'deception' practiced on the court or of the withholding of some material from which an inference of 'concealment' or 'suppression' could be drawn.
>
> (20) In the Indian case of *SP Chengalvaraya Naidu (dead) by LRs, Appellants v. Jagannath (dead) by LRs*, and *Others, Respondents* [1994] AIR SC 853, (quoted in *Mrs ND Chandrasegaran*'s case), it was noted: "A fraud is an act of deliberate deception with the design of securing something by taking unfair advantage of another. It is deception in order to gain by another's loss. It is cheating intended to get an advantage".

[23] Plaintif telah menggariskan butiran pakatan fraud dan salah representasi dalam penyataan tuntutan guaman keduanya. Bagaimanapun daripada fakta yang dibentangkan serta analisa yang dibuat di atas, butiran-butiran tersebut tidak disokong malah disangkal oleh fakta dan perlakuan plaintif sebelum dan selepas penghakiman direkodkan. Harus dicatatkan semua pihak telah berunding dan dinasihatkan oleh peguam masing-masing. Semua pihak termasuk plaintif telah hadir di mahkamah dan juga di dalam kamar YA hakim di mana persetujuan direkodkan. Tiada keterangan *prima facie* untuk menunjukkan pakatan fraud, atau salah representasi tersebut. Pada pengamatan saya sekadar menyatakan butiran sedemikian dalam kata-kata yang keras dan berulang-ulang tidak mencukupi untuk membuktikan telah berlakunya fraud atau salah representasi yang dikatakan. Selain daripada itu kredibiliti plaintif terutamanya kejujurannya juga boleh dipersoalkan terutamanya isu berkaitan dengan keislaman defendan keenam, siapa yang mendirikan rumah di tanah dalam persoalan dan perilakunya selepas penghakiman itu diberikan. Ketara juga, tuntutan di guaman kedua hanya tertumpu kepada harta ketiga sahaja. Fakta kes ini amat jauh berbeza dengan kes *Lagenda Kencana Sdn Bhd*, *supra*, di mana terdapat keterangan yang jelas bahawa peguam yang dikatakan mewakili perayu di situ sebenarnya tidak mempunyai *locus standi* untuk bertindak sedemikian. Dalam hal ini saya bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan peguam defendan yang terpelajar.

[24] Berdasarkan premis di atas, saya berpendapat kes ini merupakan satu kes yang jelas di mana tuntutan atau jawapan yang diberikan ternyata tidak dapat dipertahankan oleh plaintif. Diperhatikan harta pusaka si mati masih tidak dapat disempurnakan selepas tiga belas tahun kematian si mati. Dan, setelah 2 1/2 tahun selepas penghakiman persetujuan berkenaan plaintif mengambil guaman kedua ini apabila menyedari strateginya tidak akan berjaya. Ini dengan jelas melambatkan lagi proses pembahagian dan akan secara langsung menjejas dan mengecewakan semua waris-waris, ie, defendan. Dengan itu permohonan defendan untuk membatalkan tuntutan plaintif atas alasan yang diperuntukkan dalam A. 18 k. 19(1)(b), (c), (d) dan/atau (d) KMT 1980, dan/atau menurut kuasa sedia ada mahkamah untuk mencegah ketakadilan, KMT 1980, ketepatan dan dibenarkan dengan kos.